

Pengurusan Kontrak

Surat Setuju Terima

Suatu surat rasmi yang memaklumkan penerimaan tanpa bersyarat daripada Kerajaan ke atas tawaran yang dikemukakan oleh syarikat.

Pesanan Kerajaan

Satu dokumen kewangan yang dikeluarkan oleh Agensi Kerajaan kepada syarikat untuk memesan bekalan atau perkhidmatan.

Inden Kerja

Satu dokumen kewangan yang dikeluarkan oleh Agensi Kerajaan kepada kontraktor untuk melaksanakan perolehan kerja.

Kontrak

Apa-apa kontrak yang melibatkan perbelanjaan Universiti hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani bagi pihak Universiti oleh mana-mana pekerja Universiti yang diberi kuasa sewajarnya oleh Lembaga, sama ada secara khusus dalam apa-apa hal tertentu atau secara am bagi semua kontrak di bawah suatu nilai tertentu atau selainnya sebagaimana yang ditetapkan dalam pemberikuasaan itu.


Tempoh Tandatangan Perjanjian

Dalam tempoh 4 bulan selepas pengakuan penerimaan LOA oleh syarikat.



Bukan Bermasa

- one off payment; atau
- tempoh kontrak \leq 4 bulan



Bermasa

- Semua nilai
- tempoh kontrak $>$ 4 bulan

SST Dengan Kontrak

Bon Pelaksanaan

Suatu aku janji tidak bersyarat oleh sesuatu institusi kewangan yang dibenarkan oleh Kementerian Kewangan untuk membayar kepada Kerajaan suatu amaun tertentu atas tuntutan Kerajaan sekiranya syarikat tidak atau gagal mematuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak.

Bekalan & Perkhidmatan

- 2.5% X Jum kontrak setahun (\leq RM500k)
- 5% X Jum kontrak setahun ($>$ RM500k)

Kerja

- 5% X Jum kontrak

Syarat

Bon Pelaksanaan hanya dikenakan bagi semua kontrak bermasa dan *one-off* yang bernilai $>$ RM200k